



SYARAT KEMASUKAN

SYARAT AM UNIVERSITI

- Lulus SPM dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah (mulai tahun 2013);
- Mendapat sekurang-kurangnya Band 1.0 dalam MUET

LEPASAN STPM

- Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan GRED C dalam 3 mata pelajaran termasuk Pengajian Am

LEPASAN STAM

- Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid

LEPASAN MATRIKULASI/ASASI

- Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains dengan mendapat minima PNGK 2.00

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)

- Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam SATU (1) mata pelajaran Biologi / Fizik / Kimia / Matematik Tambahan

LEPASAN DIPLOMA/SETARAF

- Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.0 dalam bidang yang berkaitan
- Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakurkan oleh Senat Universiti
- MUET sekurang-kurangnya Band 3

LEPASAN MATRIKULASI/ASASI (SAINS/KEJURUTERAAN)

- Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam SATU (1) mata pelajaran Biologi / Fizik / Kimia / Matematik

KEMASUKAN AKADEMIK

Oktober (Semester I)



KETERANGAN LANJUT

MAKLUMAT UMUM (PROGRAM)

Ketua Program
Sarjana Muda Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
Universiti Malaysia Terengganu

MAKLUMAT UMUM (FAKULTI)

Fakulti Sains dan Sekitaran Marin
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu
No. Tel : 096683990/3615
Faks : 096683991
emel : fssm@umt.edu.my
Laman Sesawang: fssm.umt.edu.my

Terokaan
Seluas Lautan,
Demi Kelestarian
Sejagat

FSSM
FAKULTI SAINS DAN
SEKITARAN MARIN



SARJANA
MUDA SAINS
**(GEOSAINS
MARIN)**
dengan Kepujian
UG6443003

TEMPOH
PENGAJIAN
3 1/2
TAHUN
7 SEMESTER

Akreditasi oleh
MQA (MQA/FA4772)



Kenapa Memilih Kami

1. Satu-satunya Program Geosains Marin di Malaysia
2. Program akademik yang ditawarkan adalah komprehensif
3. Persekitaran pembelajaran yang kondusif
4. Ahli akademik yang berkelayakan tinggi
5. Rakan kolaborasi antarabangsa

10 Kursus Utama Ditawarkan

KURSUS ASAS

- Asas Bumi
- Mineral dan Batuan
- Geomorfologi
- Paleontologi
- Geotektonik & Struktur
- Sains Pesisir Pantai
- Sedimentologi
- Pemetaan Geologi
- Asas Sistem Maklumat Geografi
- Pengenalan kepada Penderiaan Jauh

KURSUS APLIKASI

- Hidrogeologi
- Geofizik Eksplorasi
- Survei dan Eksplorasi Dasar Lautan
- Geostatistik & Analisis Data Geologi
- Geologi Petroleum
- Geologi Kejuruteraan Marin
- Geologi Warisan
- Geobencana
- Paleoiklim & Perubahan Aras Laut



Pengenalan Program

Sarjana Muda Sains Geosains Marin merupakan program yang bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas tentang proses, struktur, dan fitur di bumi, baik di darat maupun di laut, yang merangkumi pelbagai disiplin seperti geologi, geomorfologi, geofizik, geokimia, paleontologi, dan sebagainya. Ia juga mengaplikasikan teknologi terkini dalam bidang geosains marin yang bertindak sebagai alat untuk menguraikan dan menyelesaikan banyak isu semasa seperti kelestarian penggunaan sumber asli dan melindungi alam sekitar. Program ini menawarkan pendidikan profesional dan kelayakannya sebagai batu loncatan ke dalam dunia profesional di industri dan akademik samada awam atau swasta, di dalam dan luar negara.

Prospek Kerjaya

- Ahli Geologi/Geosains
- Ahli Geofizik
- Pegawai Penyelidik/Sains
- Juruukur Darat/Laut
- Perunding Geologi/Alam Sekitar
- Ahli Paleontologi
- Ahli Geologi Petroleum
- Ahli Geologi Ekonomi/Perlombongan
- Ahli Geologi Kejuruteraan
- Ahli GIS/Penderiaan jauh
- Pengajar/Akademia



Memahami sejarah Bumi, dari pembentukannya hingga proses hari ini, merentasi pelbagai bidang untuk mengenal pasti dan menilai sumber semula jadi, sambil juga membangunkan strategi pengurusan lestari dan pemeliharaan alam sekitar Bumi.

MENYINGKAP
KHAZANAH
BUMI!